

PETIKAN TITAH



Bagi pelajar-pelajar Pengajian Tinggi, yang dijangka akan memasuki alam pekerjaan, adalah penting bagi mereka untuk memiliki kemahiran abad ke-21, seperti inovatif, komunikasi efektif, kolaborasi, pemikiran kritis dan adaptabiliti, sebagai alat bagi pembentukan tenaga kerja Negara Brunei Darussalam. Oleh itu kemahiran-kemahiran seperti ini tidak cuma dipelajari melalui buku-buku teks dan kaedah pembelajaran, akan tetapi juga diperolehi melalui pembelajaran secara informal dari persekitaran dan pengalaman harian.

Apa pun keadaan, para pelajar tetap berhadapan dengan usaha untuk membina jati diri yang luhur lagi terpuji. Oleh itu, Beta berharap para pelajar mestilah memanfaatkan peluang belajar di luar negara ini, bukan hanya untuk menimba ilmu pengetahuan semata-mata, malahan juga untuk menjadi modal insan yang berakhhlak mulia disamping memiliki idea-idea besar dan maju bagi merealisasikan Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035.

Tidak diragukan lagi bahawa negara adalah memerlukan rakyat yang sentiasa sedar mengenai masa depan, yang memiliki minda besar dan disiplin yang tinggi serta menguasai teknologi.

Teknologi sekarang sudah menjadi sebahagian dari kehidupan terpenting kita untuk memperkaya pengalaman dan sebagai alat bantu atau *enabler* bagi digunakan dengan bijak, sambil tidak mengabaikan kerja keras dan kecekapan diri. Oleh itu, para pelajar disarankan supaya menetapkan dengan tegas dan jelas matlamat pembelajaran melalui usaha-usaha qiqih dan murni.

Jadilah individu yang berintegriti, yang mempunyai prinsip moral yang kukuh. Kerana di tengah lingkungan yang ada, kita mungkin saja berbeza budaya dan fahaman. Maka kerana itu, setiap pelajar mustahaklah ingat untuk tetap setia kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang kita pegang selaku orang Brunei. Jangan terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membahayakan keselamatan dan kesejahteraan diri sendiri.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Yang Berada di United Kingdom dan Eire

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

PERTANDINGAN MENAMBANG SYAIR SEJARAH BRUNEI TAHUN 2023



BERAKAS, Sabtu, 18 Jamadilawal 1445 / 2 Disember 2023 - Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) menganjurkan Pertandingan Menambang Syair Sejarah Brunei Tahun 2023. Peringkat Akhir bagi pertandingan ini berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pertandingan diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2023.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh, Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei dan Yang Mulia Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Seramai 10 peserta yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori lelaki dan kategori perempuan telah memperdengarkan tambangan syair mereka dalam pertandingan tersebut. Para peserta ini adalah peserta yang telah berjaya mara ke peringkat akhir setelah melalui Peringkat Saringan yang diadakan pada 22 November yang lalu.

Sambungan Muka Surat 3



MAJLIS RESEPSI SEMPENA HARI KEBANGSAAN KERAJAAN THAILAND



KIARONG, Sabtu, 18 Jamadilawal 1445 / 2 Disember 2023 - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai berkata, tahun hadapan menandakan 40 Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik antara Negara Thailand dan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Kerajaan Thailand yang berlangsung di Kedutaan Thailand. Puan Yang Terutama dalam ucapannya juga menyatakan, tarikh 5 Disember merupakan tarikh yang penting bagi Thailand kerana ia bukan sahaja Hari Kebangsaan negara tersebut malah Hari Keputeraan His Majesty King Bhumibol Adulyadej serta Hari Bapa Thailand.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri, Yang Mulia Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu. Majlis Resepsi berkenaan turut menyaksikan Majlis Penyampaian Cenderamata yang disampaikan oleh Puan Yang Terutama kepada tetamu kehormat majlis yang disusuli dengan Acara Memotong Kek dan bergambar ramai.

PROGRAM MUNAJAT DAN TAUBAT SENEGARA



PROGRAM MUNAJAT DAN TAUBAT SENEGARA
Sabtu, 2 Disember 2023 di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

TEMBURONG, Sabtu, 18 Jamadilawal 1445 / 2 Disember 2023 - Daerah Temburong juga tidak ketinggalan dalam sama-sama menyemarakkan Program Munajat dan Taubat Sene-gara dengan tumpuan utama di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad.



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

PESTA RIA INKLUSIF BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA ORANG KELAINAN UPAYA



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Rabiulawal 1445 / 3 Disember 2023 - Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) disambut pada 3 Disember setiap tahun. Bagi memperingati sambutan tersebut, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah merasmikan Pesta Ria Inklusif dalam Program Bandarku Ceria yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.


Dengan bertemakan 'Bersatu padu dalam tindakan menyelamat dan mencapai 'Sustainable Development Goals (SDG) untuk, dengan dan oleh OKU (United in action to rescue and achieve the SDGs for, with and by persons with disabilities)', aktiviti tersebut diadakan dengan tujuan untuk meraikan penyertaan dan perkembangan golongan OKU di dalam masyarakat ke arah kebolehpasaran dan mandiri dari aspek penglibatan dan kemajuan dalam sosial, ekonomi dan budaya serta mengutarakan isu-isu penting dan cabaran semasa yang dihadapi oleh OKU dalam pelbagai konteks seperti aksesibiliti.



Sambungan Muka Surat 7



MAJLIS JAMBORI PENGAKAP 2023



TUTONG, Isnin, 20 Jamadilawal 1445 / 4 Disember 2023 - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dan Penaung Kehormat Pengakap Sedunia bercemar duli ke Majlis Jambori Pengakap 2023 mencerminkan keprihatinan baginda terhadap penglibatan golongan muda dalam pasukan beruniform khususnya pergerakan berpengakap di negara ini.

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2023



MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI
SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2023

Selasa, 5 Disember 2023 di Masjid Ash-Shaliheen



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

BERAKAS, Selasa, 21 Jamadilawal 1445 / 5 Disember 2023 - Hari Sukarelawan Antarabangsa adalah mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun. Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengadakan Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 yang bertemakan '*Is Everyone Did*' Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya.

Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 telah diadakan di Masjid Ash-Shaliheen. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA *ASSISTANT SECRETARY OF GLOBAL PUBLIC AFFIARS* DAN *EAST ASIA PACIFIC SPOKESPERSON*



KUNJUNGAN HORMAT
Selasa, 5 Disember 2023 di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

BERAKAS, Selasa, 21 Jamadilawal 1445 / 5 Disember 2023 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Mr Bill Russo, Assistant Secretary of Global Public Affairs dan Mr Bill Furnish, East Asia Pacific Spokesperson.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



BERAKAS, Selasa, 21 Jamadilawal 1445 / 5 Disember 2023 - Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bertempat di Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur.

Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur menyumbangkan sejumlah Tiga Puluh Lapan Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Sembilan Ringgit Dan Tujuh Puluh Lima Sen (BND 38,949.75) yang disampaikan bersama oleh Yang Mulia Md Bazli Albarr Bin Haji Mohammad Albadii Shahnoel, Yang Mulia Sophora Butt, YM Yahya Ibrahim dan Yang Mulia Fikriyah Halizan, wakil penuntut Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur.

MESYUARAT JAWATANKUASA KEBANGSAAN TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



MESYUARAT JAWATANKUASA KEBANGSAAN TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

Rabu, 6 Disember 2023 di Bilik Mesyuarat At-Taqwa, KKBS

BERAKAS, Rabu, 22 Jamadilawal 1445 / 6 Disember 2023 - Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah ber-sidang di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan tersebut.

Hadir pada mesyuarat berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, dan wakil-wakil Setiausaha Tetap daripada Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengarah Urusan Imagine Sdn. Bhd., wakil-wakil daripada Datastream Digital Sdn. Bhd, dan Progresif Cellular Sdn. Bhd, serta pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkenaan.



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

MAJLIS PELANCARAN BUKU KOD ETIKA KAUNSELOR JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Jamadilawal 1445 / 7 Disember 2023 - Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada julung kali ini menerbitkan Buku Kod Etika Kaunselor Jabatan Pembangunan Masyarakat. Inisiatif ini merupakan salah satu tindakan di bawah Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020-2024, ke arah menambahbaik pemberian perkhidmatan, bagi membangun "Masyarakat Yang Progresif".

Hadir merasmikan pelancaran tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.



MAJLIS PENUTUP RASMI JAMBORI NASIONAL KE-5



MAJLIS PENUTUP RASMI JAMBORI NASIONAL KE-5

Khamis, 7 Disember 2023 di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera

TUTONG, Khamis, 23 Jamadilawal 1445 / 7 Disember 2023 - Jambori Nasional Ke-5 dianjurkan bersempena Sambutan 90 Tahun Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam, dengan tujuan bagi meningkatkan dan menggalakkan interaksi di kalangan pengakap; memupuk dan menyemai persahabatan dan kerjasama dalam kalangan pengakap; dan mengenali serta menyemai sikap menghormati kepelbagaiannya.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-5 diserikan lagi dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) ke Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong.

Sambungan Muka Surat 15



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE 12



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-12

Sabtu, 9 Disember 2023 di Kem Latihan PKBN, Temburong

TEMBURONG, Sabtu, 25 Jamadilawal 1445 / 9 Disember 2023 - Program Khidmat Bakti Negara dikenali sebagai PKBN adalah merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan belia yang cemerlang, bertanggungjawab dan berdisiplin. Program ini adalah berkonsepkan kesukarelawanan, pembangunan belia serta pembentukan jati diri. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara telah mengadakan Majlis Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 pada di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong.

Majlis pelancaran tersebut dirasmikan oleh Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukaranan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku wakil peribadi Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sambungan Muka Surat 17



MAJLIS QALBUN SALIM SEMPENA HARI ANTARABANGSA ORANG KELALINAN UPAYA 2023



BERAKAS, Sabtu, 25 Jamadilawal 1445 / 9 Disember 2023 - Bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2023, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah mengadakan Majlis Qalbun Salim bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPD), Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KEMPEN HARI BERTINDAK (DAY OF ACTION) DAERAH BRUNEI DAN MUARA


BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Jamadilawal 1445 / 10 Disember 2023 - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengadakan Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 dengan tema 'If Everyone Did' Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya' yang diadakan serentak di keempat-empat daerah bermula pada hari ini, 10 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Majlis Pelancaran dan Penghargaan Kempen Hari Bertindak telah berlangsung di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis adalah YB Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral(B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Turut hadir menyertai aktiviti Kempen Hari Bertindak (DOA) di Daerah Brunei Muara itu adalah Yand Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamid, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap Urustadbir Perkhidmatan Awam Jabatan Perdana Menteri dan Yang Mulia Dayang Aldila binti Haji Md Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan.



Sambungan Muka Surat 20



KEMPEN HARI BERTINDAK (DAY OF ACTION) DAERAH BELAIT

BELAIT, Ahad, 26 Jamadilawal 1445 / 10 Disember 2023 - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengadakan Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 dengan tema 'If Everyone Did' Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya' yang diadakan serentak di keempat-empat daerah bermula pada hari ini, 10 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024.

Tetamu Kehormat majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail, Pemangku Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Aktiviti Kempen Hari Bertindak (DOA) di Daerah Belait bermula di Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Belait.



KEMPEN HARI BERTINDAK (DAY OF ACTION)

Ahad, 10 Disember 2023 di Daerah Belait



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)





www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

Sambungan Muka Surat 22



KEMPEN HARI BERTINDAK (DAY OF ACTION) DAERAH TUTONG

TUTONG, Ahad, 26 Jamadilawal 1445 / 10 Disember 2023 - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengadakan Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 dengan tema 'If Everyone Did' Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya' yang diadakan serentak di keempat-empat daerah bermula pada hari ini, 10 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024.

Sementara di Daerah Tutong, aktiviti Kempen Hari Bertindak (DOA) telah berlangsung di Kompleks Sukan Tutong dan hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafeloh, Pemangku Setiausaha Tetap Kemasyarakatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir sama adalah Yang Mulia Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakhbar, Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



Sambungan Muka Surat 24



• • • • • • • • • • • •

KEMPEN HARI BERTINDAK (DAY OF ACTION) DAERAH TEMBURONG

TEMBURONG, Ahad, 26 Jamadilawal 1445 / 10 Disember 2023 - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengadakan Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 dengan tema 'If Everyone Did' Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya' yang diadakan serentak di keempat-empat daerah bermula pada hari ini, 10 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024.

Di Daerah Temburong aktiviti Kempen Hari Bertindak (DOA) bermula di Dewan Kemasyarakatan Belalong. Hadir selaku Tetamu Kehormat adalah Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap(Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir juga adalah Yang Mulia Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan.



Sambungan Muka Surat 26



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunel Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunel Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunel Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan




www.kkbs.gov.bn kkbs_brunel Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunel Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

• • • • • • • • • • • • • • •

PAMERAN "SENI UNTUK SEMUA"



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Jamadilawal 1445 / 11 Disember 2023 - Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Pameran "Seni Untuk Semua" sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2023. Lebih dari 100 buah karya termasuk lukisan, media campur, kraftangan, perabot dan arca dipamerkan bertempat di Galeri 4, Hab Tenaga Dermaga Diraja.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan acara tersebut ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

PAMERAN "SENI UNTUK SEMUA"



BERAKAS, Selasa, 6 Jamadilakhir 1445 / 19 Disember 2023 - Yang Mulia Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman, Pemangku Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Syarikat Armada Properties Sdn Bhd ("Armada") menyumbangkan sejumlah Lima Ribu Ringgit (BND5,000.00) yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Shahrinah Haji Md Yusof Khan, Senior Manager, Corporate Services, Syarikat Armada Properties Sdn Bhd ("Armada").

Koperasi Berkat Kerjakaras Semua Sanang (BKSS) menyumbangkan sejumlah Seribu Seratus RIinggit (BND 1,100.00) yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Md Salleh bin Haji Mohiddin, Pengurus Koperasi Berkat Kerjakaras Semua Sanang (BKSS).



MAJLIS PENYERAHAN BARANGAN KEPERLUAN PERSEKOLAHAN BAGI PROJEK AMAL: BERSAMA MENGELINGA



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Jamadilakhir 1445 / 24 Disember 2023 - Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) mengadakan Majlis Penyerahan Barang Keperluan Persekolahan bagi Projek Amal: Bersama Mengelinga di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEJOHANAN RUMAH-RUMAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEJOHANAN RUMAH-RUMAH
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, 2023**

Rabu, 27 Disember 2023 di Ruang Letak Kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah

BERAKAS, Rabu, 12 Jamadilakhir 1445 / 27 Disember 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan Rumah-Rumah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2023 di Ruang Letak Kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis dan seterusnya menyempurnakan Piala Kemenangan Keseluruhan Kejohanan Rumah-Rumah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penyampaian Pingat Kemenangan bagi sukan-sukan disempurnakan oleh Setiausaha Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Johan keseluruhan disandang oleh Rumah Kuning Si Lubang Bangsi dengan kutipan 10 pingat (lima emas, dua perak dan tiga gangsa). Naib johan ialah Rumah Merah Bunga Putar dengan kutipan sembilan pingat (tiga emas, empat perak dan dua gangsa). Manakala, Rumah Hijau Sukma Indera menduduki tempat ketiga dengan kutipan 14 pingat (tiga emas, tiga perak dan lapan gangsa).

Sambungan Muka Surat 31





Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan